

DEMAM PRU KE-14 MULA TERASA

Ketika artikel ini ditulis, Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Adenan Satem, seperti yang dijangka mengumumkan bahawa Dewan Undangan Negeri Sarawak dibubarkan pada 11 April 2016. Pembubaran itu bagi membolehkan pilihan raya negeri (PRN) negeri ke-11 dapat dilangsungkan. Mengikuti tradisi, dijangkakan bahawa proses pengundian dijalankan pada awal Mei.

G. MANIMARAN

Kolumnis dan ahli strategi politik

SAMA ada angka 11 itu satu kebetulan ataupun sebaliknya, tidak pasti. Namun begitu, angka tersebut membawa simbolik dalam pengurusan politik bagi sesetengah pihak.

Pada ketika PRN ke-11 Sarawak berlangsung, genap tiga tahun pilihan raya umum (PRU) ke-13 Persekutuan diadakan. Pengundian PRU berlangsung pada 5 Mei 2013. Lazimnya PRU seterusnya akan berlangsung selepas tahun keempat.

Maka dapat dirumuskan bahawa demam PRU ke-14 sudah mula dirasai. PRU boleh diadakan dalam tempoh 500 hingga 600 hari. Cakap-cakap mengenai PRU ke-14 sudah mula timbul. Banyak pihak sudah mula bercakap-cakap mengenai PRU ke-14 yang sebenarnya belum ada bayang-bayang akan tarikhnya.

PRU ke-13 yang pertama di bawah kepimpinan Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak diadakan genap lima tahun selepas PRU ke-12 yang berlangsung pada tahun 2008. Sedangkan sebelumnya, desas-desus dan spekulasi mengenai tarikh PRU ke-12 mula kedengaran dua tahun lebih awal.

Mengambil kira tradisi sebelum ini, hampir kesemua parti politik kecuali di Sarawak, yang kini sibuk menghadapi PRN

ke-11, sudah mula membuat persiapan ke arah itu.

Walau bagaimanapun, kebanyakan parti menerusi wakil rakyat, khususnya telah pun memulakan kempen masing-masing sejak tahun pertama PRU ke-13. Hal ini suatu pemandangan yang tidak dapat dipisahkan daripada senario dan landskap politik negara.

Malah satu blog yang pro-UMNO dalam analisis pada awal tahun 2015, melaporkan bahawa tindakan Dato' Sri Najib, yang juga Presiden UMNO, mengadakan perjumpaan dengan pemimpin beberapa bahagian UMNO di Menara Dato' Onn pada 16 Januari 2015, bagi melihat dan membincangkan gerak kerja jentera parti pada peringkat akar umbi bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang, menimbulkan spekulasi kemungkinan PRU diadakan lebih awal.

Perjumpaan lebih kurang tiga jam dan pemimpin bahagian yang terlibat membuat pertemuan secara bergilir. Ketua UMNO Bahagian Bukit Gantang, Perak, Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal, dipetik berkata, pertemuan seumpama itu biasanya diadakan apabila menjelang pilihan raya, namun ibu pejabat UMNO mula bergerak agresif untuk melakukan persiapan lebih awal.

"Presiden ingin mendengar dan melihat usaha yang kita lakukan. Selain itu, kita juga berbincang tentang masalah pada peringkat bawah, pertengahan dan atasan, serta sistem penyampaian yang perlu dipertingkatkan," katanya dipetik oleh media tempatan.

Malah laporan tersebut meramalkan bahawa Dato' Sri Najib dan Timbalan Presiden, Tan Sri Muhyiddin Yassin, bergilir-gilir mengadakan perjumpaan dengan pemimpin UMNO bahagian di ibu pejabat UMNO. Walau bagaimanapun, senario itu tidak menjadi kenyataan apabila Tan Sri Muhyiddin digugurkan dari kabinet dan sebagai Timbalan Perdana Menteri. Kemudian disusuli dengan pengguguran Dato' Seri Mukhriz Mahathir pula sebagai Menteri Besar Kedah pada Februari lalu.

Gerak kerja serius ini menimbulkan pertanyaan sama ada PRU ke-14 yang sepatutnya diadakan pada tahun 2018 mungkin diadakan lebih awal sekitar pertengahan tahun 2016 atau awal tahun 2017. Hal ini mungkin membolehkan UMNO menangkalkan pemilihan UMNO 2016 kepada selepas pilihan raya.

Satu lagi teori yang sedang berlegar termasuklah Dato' Sri Najib akan mengadakan PRU serentak dengan PRN Sarawak yang dijangka diadakan pada tahun 2016.

Penganalisis melihat PRU ke-14 kemungkinan besar hanya akan diadakan, paling awal pada pertengahan kedua tahun 2017 ataupun awal tahun 2018. Kemungkinan Dato' Sri Najib selaku Pengerusi Barisan Nasional (BN), akan menggunakan sepenuhnya tempoh mandat yang sedia ada tidak dapat ditolak.

Ada pihak yang melihat krisis dalam antara parti pembangkang dijangka menjadi penentu pemilihan masa dan tarikh yang sesuai untuk mengadakan PRU ke-14. Perpecahan antara Parti Islam Se-Malaysia (PAS) dengan Parti Tindakan Demokratik (DAP) atas dasar hudud yang



Keputusan PRN Sarawak ke-11 dijangka akan mempengaruhi tarikh PRU ke-14.

Penganalisis melihat PRU ke-14 kemungkinan besar hanya akan diadakan, paling awal pada pertengahan kedua tahun 2017 ataupun awal 2018. Kemungkinan Dato' Sri Najib selaku Pengerusi Barisan Nasional (BN), akan menggunakan sepenuhnya tempoh mandat sedia ada tidak dapat ditolak.

mengakhiri kerjasama "thahalfu siyasi" kedua-dua parti itu juga menyebabkan penyokong PAS menarik balik sokongan mereka terhadap DAP. Begitu juga sebaliknya. Perpecahan itu membawa kesan terhadap Pakatan Rakyat. Seterusnya, menyaksikan kelahiran Pakatan Harapan ekoran kemunculan parti baharu, Parti Amanah Negara (Amanah), yang ditubuhkan oleh pemimpin yang keluar PAS.

Kira-kira setahun sebelum kehilangan jawatan Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mukhriz dipetik berkata, persediaan menghadapi PRU ke-14 perlu bermula dari sekarang (tahun 2015) dan menjadi fokus setiap ahli jentera parti negeri. Tambah belia, jentera parti tidak seharusnya menunggu hingga saat akhir dan aktiviti di setiap pusat daerah mengundi perlu dipergiatkan serta-merta bagi mengetahui setiap permasalahan rakyat mengikut sesuatu kawasan. Keputusan PRN Sarawak ke-11, yang dilihat sangat memihak kepada BN, juga kemungkinan menjadi penentu

dalam pembubaran parlimen bagi membolehkan pilihan raya peringkat persekutuan diadakan.

Walau bagaimanapun, jika diambil kira perubahan tarikh PRU 2013 beberapa kali, meskipun ramai yang meramalkan beberapa tarikh awal sejak awal 2012, yang pasti, perkembangan atau faktor luar kawalan melanjutkan tarikh sebenar PRU ke-13. Keadaan yang sama dijangkakan pada kali ini. Satu lagi faktor yang perlu diambil kira ialah penyusunan semula bahagian pilihan raya khususnya yang membabitkan Sabah dan Semenanjung. Proses ini dijangka selesai sepenuhnya menjelang suku pertama tahun 2017. Jika menjadi realiti sebagaimana yang dirancang oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), proses mengubah suai dengan bahagian baharu oleh parti politik akan memerlukan masa. Mengambil kira keseluruhan detik dan perkembangan di bawah kawalan dan di luar kawalan mengambil tempat masing-masing, sehingga itu spekulasi dan desas-desus tarikh PRU ke-14 akan berterusan. 

